

TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN PADA MALAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN PERINGKAT KUKUM 2004 BERSEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KUKUM DI DEWAN WARISAN KANGAR PADA 14 SEPTEMBER 2004.

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN REKTOR KUKUM,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

YANG BERUSAHA PROF. MADYA DR. ISMAIL DAUT, PENGERUSI MALAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN PERINGKAT KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM YANG DIKASIHI.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA, KASIH DAN SAYANG SERTA DENGAN IZIN-NYA DAPAT KITA BERKUMPUL PADA MALAM INI UNTUK BERSAMA-SAMA MENGHADIRKAN DIRI DI MALAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN PERINGKAT KUKUM 2004 BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN PERINGKAT KUKUM PADA TAHUN INI.

SESUNGGUHNYA KEHADIRAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, MAHASISWA DAN MAHASISWI SEMUA PASTI MENYEMARAKKAN LAGI PROGRAM KITA PADA MALAM PENUH BERMAKNA INI DAN SETERUSNYA MEMBERI SOKONGAN YANG PADU DI DALAM SETIAP AKTIVITI YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI.

TERLEBIH DAHULU, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA JAWATANKUASA MALAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN

PERINGKAT KUKUM KERANA USAHA GIGIH DAN DEDIKASI TUAN –TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA MENCANAI IDEA, MENZAHIR KERJA DAN SETERUSNYA MEREALISASIKAN PROGRAM KITA PADA MALAM INI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

BANGSA YANG MERDEKA, PUNYA JATIDIRI, WACANA, WAJAH SERTA BUDAYA TERSENDIRI. BUDAYA KITA DI MALAYSIA CUKUP DINAMIK KERANA IA TERGABUNG SERTA TERPADU DARI RAS BUDAYA PELBAGAI KAUM YANG ADA. BERTANYALAH KEPADA PELANCONG LUAR APAKAH KEISTIMEWAAN MALAYSIA?

PANTAS MEREKA AKAN MENJAWAB, BUDAYA DI MALAYSIA SANGAT UNIK KERANA WALAUPUN NEGARA INI BERBILANG BANGSA MAHUPUN AGAMA NAMUN TIDAK ADA MANA-MANA BUDAYA KAUM YANG MENDOMINASI AKAR UMBI KEHIDUPAN RAKYATNYA SECARA TOTALISME SELAIN DARI MASYARAKATNYA YANG PERAMAH.

BAIK ORANG MELAYU, ORANG CINA, ORANG INDIA ATAU KAUM APA SEKALIPUN, MEREKA HIDUP BEBAS DENGAN BUDAYA, BAHASA, AGAMA DAN IDENTITI MEREKA SENDIRI TANPA BERSIKAP PREJUDIS DAN 'ETHNOCENTRISME' IAITU BERSIKAP MEMPERLEKEH-LEKEHKAN BUDAYA KAUM LAIN DAN MENGANGGAP BUDAYA SENDIRI LEBIH BAGUS ATAU LEBIH BAIK DARI YANG LAIN.

INILAH KELEBIHAN DAN KEUNIKAN BUDAYA MASYARAKAT DI NEGARA INI SEHINGGA MALAYSIA DIANGKAT DAN DIMARTABATKAN SEBAGAI 'TRULLY ASIAN' OLEH BARAT. SUDAH TERANG LAGI BERSULUH. KATA-KATA TERSEBUT SEMEMANGNYA WAJAR KERANA CUBA KITA PERHATIKAN SENARIO GLOBALISASI SEMASA.

TIDAK ADA SATU NEGARA DI DUNIA INI BOLEH HIDUP DALAM SUASANA AMAN, DAMAI DAN HARMONI BILAMANA TERDAPAT LEBIH DARI SATU KAUM ATAU AGAMA YANG MENGHUNI SESEBUAH NEGARA. ANDAI TIDAK TERCETUS PERGOLAKAN PASTI PERANG SAUDARA JUGA YANG MELANDA.

PALESTINE DENGAN ISU KEMERDEKAAN WILAYAH SENDIRI, KAUM ROHINGYA DI MYANMAR DI HALAU DI BUMI SENDIRI, PUAH TUTSI DAN HUTTU BERBUNUH SESAMA SENDIRI KERANA MERASAKAN SATU KAUM LEBIH BERHAK DAN DOMINAN DAN TIDAK LAMA DULU PERANG BOSNIA-HERZEGOVINA DENGAN ISU 'GENOCIDE' YANG TELAH DILANCARKAN OLEH SLOBODAN MILOSEVIC HATTA SEKALIPUN DASAR APARTHEID YANG TELAH MENYEBABKAN PULUHAN RIBU RAKYAT YANG TIDAK BERDOSA TERBUNUH DI AFRIKA SELATAN.

KENAPA HAL SEDEMIKIAN BOLEH TERJADI SEDANGKAN MEREKA SEBELUMNYA BOLEH HIDUP AMAN DAN DAMAI, BERGELAK KETAWA, SAPA MENYAPA SESAMA SENDIRI? JAWAPANNYA CUKUP MUDAH...MEREKA GAGAL UNTUK MEMAHAMI DAN MENGHORMATI BUDAYA KAUM LAIN, BERSIKAP TERLALU PESISMISTIK TERHADAP SESUATU YANG BERBEZA DAN TAKSUB KEPADA BUDAYA SENDIRI.

TEPUK DADA, TANYALAH SELERA MASING-MASING. APAKAH KITA YANG SUDAH CUKUP SELESA MENGECAPI KEMERDEKAAN SELAMA 47 TAHUN LAMANYA, MAHU HIDUP SENGSARA DAN MERANA SEPERTI MANA YANG BERLAKU TERHADAP INSAN-INSAN YANG TIDAK BERDOSA DI BUMI YANG BERGOLAK TERSEBUT? JAUH PANGGANG DARI API. MALAH TIDAK PERNAH TERSINGGAH DI BENAK HATI MAHUPUN BERSARANG MIMPI BIARPUN SESAAT CUMA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

SENI ADALAH RENCAH KEHIDUPAN KITA BIARPUN APA GENRE DAN CABANG KESENIAN YANG KITA SUKAI ATAU CEBURI. SENI ADALAH BUDAYA DAN WAJAH KITA. SEORANG PENGKRITIK FILEM TERSOHOR NEGARA PERNAH BERKATA :

”WALAUPUN FILEM DIHASILKAN SEBAGAI WADAH HIBURAN NAMUN ADA MESEJ YANG CUBA DISAMPAIKAN OLEH PENGARAHNYA. CERITA DALAM FILEM ADALAH SEBAGAI PERLAMBAHAN TENTANG BUDAYA ORANG-ORANG YANG TINGGAL DI NEGARA YANG MENGHASILKAN FILEM TERSEBUT. JADI FILEM ADALAH BUDAYA”.

MEMETIK KATA-KATA TERSEBUT, SUKA SAYA INGATKAN DI SINI, SEBAGAI BANGSA YANG MERDEKA, KITA SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA PUNYA BUDAYA DAN KESENIAN YANG TERSENDIRI. TIDAK DIADAPTASI ATAU DICEDOK DARI MANA-MANA BUDAYA LAIN.

KITA PUNYA JATIDIRI DAN AKAR UMBI KEHIDUPAN SENDIRI YANG HALUS SERTA PENUH KESENIAN YANG TINGGI. IA ADALAH ASET YANG TELAH DITINGGALKAN OLEH NENEK MOYANG KITA SEJAK TURUN-TEMURUN LAMANYA UNTUK KITA TERUS MEWARISINYA.

ARUS GLOBALISASI DENGAN KECANGGIHAN SISTEM KOMPUTER MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI AMAT MENAKUTKAN DAN MEMPUNYAI PENGARUH YANG CUKUP BESAR DALAM MENYEBARKAN APA JUA BENTUK IDEOLOGI TERUTAMANYA KEPADA PENGARUH BUDAYA DAN KESENIAN. IMPAK YANG DITINGGALKAN AMAT PANTAS KERANA IA DISOGOKKAN DENGAN BUDAYA KOMERSIALISME YANG TERSEMBUNYI DAN TANPA DISEDARI IA SUDAH MENJADI BUDAYA BARU.

JUSTERU ITU SAYA AMAT KHUATIR DENGAN PERKEMBANGAN TERKINI YANG MELANDA NEGARA INI. TERLALU RAMAI ANAK-ANAK MUDA YANG SEAKAN KELIRU DENGAN IDENTITI DAN BUDAYA SENDIRI. MEREKA TERLALU MEGAH DAN HANYUT DENGAN BUDAYA BARAT YANG UMUM MENGETAHUI SUDAH TERLALU PARAH DENGAN KERUNTUHAN MORAL DI KALANGAN REMAJANYA.

SEBAGAI MAHASISWA/I DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI KHUSUSNYA DI KUKUM INI, ANDA SEMUA MEMPUNYAI PENGARUH YANG CUKUP BESAR BAIK KEPADA MASYARAKAT SEKELILING MAHUPUN KEPADA KELUARGA SENDIRI.

JIKA ANDA SEMUA TIDAK KENAL KEPADA BUDAYA DAN JATIDIRI SENDIRI, SUDAH PASTI BUDAYA POPULAR SEMASA YANG TIDAK MENGENDAHKAN LANGSUNG SENSITIVITI AGAMA DAN BUDAYA AKAN MENJADI IKUTAN PERIBADI.

PUN BEGITU, SAYA PERCAYA SETIAP WARGA KUKUM MAHUPUN MAHASISWA/I NYA MASIH KUAT PEGANGAN AGAMA DAN KENTAL JATIDIRI MASING-MASING. PENGAJURAN PROGRAM SEPERTI MALAM INI SECARA TIDAK LANGSUNG JUGA, DAPAT MENYEMAI SEMANGAT NASIONALISME DAN PATRIOTISME SESAMA KITA KERANA OBJEKTIFNYA CUKUP JELAS.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA MALAM INI, SAYA SUKA BERPESAN KEPADA SELURUH WARGA KUKUM, HAYATILAH MAKSUD KEMERDEKAAN ITU DALAM ERTIKATA YANG SEBENARNYA. MERDEKA BUKAN HANYA SEKADAR DALAM BENTUK FIZIKAL SEMATA-MATA TETAPI IA MEMPUNYAI PENGERTIAN YANG MELUAS TERMASUKLAH DALAM BUDAYA DAN KESENIAN KITA SENDIRI.

UNTUK ITU SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA
AHLI JAWATANKUASA MALAM KEBUDAYAAN DAN KESENIAN PERINGKAT
KUKUM KERANA TELAH BERJAYA MENGANJURKAN DAN MEMASTIKAN
KELANCARAN MAJLIS PADA MALAM INI.

YANG KURIK ITU KENDI
YANG MERAH ITU SAGA
YANG INDAH ITU SENI
YANG CANTIK ITU BUDAYA

SAYA SUDAH DENGAN UCAPAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAH TAALA WABARAKATUH.